



UCAPAN

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

SEMPENA

**MAJLIS PERSADA GEMILANG
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM 2014**

**“MEMANIFESTASI KECEMERLANGAN,
MENJUARAI TRANSFORMASI”**

**19 MAC 2014 (RABU), 9.00 PAGI
DEWAN DE' SERI ENDON, PUSPANITAPURI**

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Transformasi dan Salam “1Malaysia: Rakyat
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

**Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara
Majlis**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed
Ahmad**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Pembangunan)**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim Bin
Seman**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Operasi)**

Pengarah-Pengarah Bahagian

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan Warga JPA yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinNya juga, Majlis Persada Gemilang Jabatan Perkhidmatan Awam Tahun 2014 pada hari yang penuh bersejarah ini dapat sama-sama kita jayakan.

2. Saya percaya majlis pada hari ini adalah begitu signifikan kerana Persada Gemilang itu sendiri bermaksud sebuah majlis meraikan dan menjulang kehebatan dan kecemerlangan Warga JPA dalam memberikan yang terbaik kepada jabatan dan negara. Lebih menarik, ia turut menggabungkan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan juga Anugerah Inovasi JPA.

3. Maka, pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada Warga JPA atas sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka dalam melaksanakan tugas rasmi bagi tahun 2013 begitu memberi inspirasi kepada kita semua. Majlis ini juga bertujuan untuk meraikan kemenangan dan kejayaan pegawai-pegawai dalam pertandingan-pertandingan inovasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun lepas.

4. Pada kesempatan ini juga, saya ingin terus mengajak seluruh Warga JPA untuk terus berdoa tanpa jemu akan keselamatan dan kesejahteraan penumpang dan anak kapal MH370. Meskipun sudah lebih seminggu insiden ini berlalu, tanamkanlah keyakinan dan munajat kepada Tuhan yang Maha Berkuasa. Mudah-mudahan negara yang kita cintai ini akan terus aman dan sejahtera.

MANIFESTASI KECEMERLANGAN: SIGNIFIKAN JPA DALAM AGENDA TRANSFORMASI

Warga JPA yang saya kasihi sekalian,

5. Dekad kedua milenium telah menyaksikan Dasar Transformasi Nasional diperkenalkan Kerajaan. Ia merupakan sebuah gerakan strategik sebagai menyediakan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Agenda ini merangkumi transformasi Kerajaan, ekonomi, sosial dan politik. Agenda Transformasi Perkhidmatan Awam seterusnya menjadi wahana teras yang menyokong keberhasilan Dasar Transformasi Nasional ini.

6. Alhamdulillah, saya menyaksikan Kerangka Kerja Transformasi Perkhidmatan Awam menerusi 5 teras utama iaitu Mendaya Upaya Bakat, Merekayasa Organisasi, Merakyatkan

Perkhidmatan, Merangkum dan Sepunya serta Membudaya Nilai hari ini diterima dengan baik bukan sahaja oleh Warga JPA tetapi Warga Perkhidmatan Awam. Meski pun begitu, usaha memartabatkan semangat transformasi ini mesti terus diperhebatkan agar ia benar-benar menterjemahkan outcome yang diinginkan.

7. Kata George Santayana, seorang ahli fikir Barat, "Mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan mereka berkali-kali". Oleh itu saya ingin mengajak hadirin sekalian untuk merenung seketika hakikat keberadaan kita di sini pada hari ini.

8. JPA pada hari ini bukanlah seperti Malayan Establishment Office yang ditubuhkan pada 80 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1934. Ia juga tidak sama seperti Federal Establishment Office yang ditubuhkan pada 1 Julai 1954 atau kira-kira 60

tahun yang lalu. Pada tahun 1967, ia telah dijenamakan semula sebagai Establishment office of Malaysia. Pun begitu, JPA pada hari ini, berbekalkan semangat penubuhannya 80 tahun yang lalu, adalah merupakan sebuah jenama baharu yang jauh berbeza.

9. Pada pandangan kebanyakan orang, JPA adalah merupakan sebuah agensi yang menjaga hal ehwal sumber manusia. Malah, kalau orang tengok JPA, yang tergambar di minda adalah gaji, organisasi, perjawatan, naik pangkat, tata tertib, dan sebagainya. Pandangan sebegini sahaja tidak benar. JPA adalah mengenai Perkhidmatan Awam. Ia tentang tanggungjawabnya terhadap seluruh Perkhidmatan sama ada dari segi organisasi mahupun warganya.

10. Sekarang, JPA adalah agensi utama yang menerajui transformasi Perkhidmatan Awam. Maka, kita telah menjadi contoh untuk diteladani. Untuk membentuk sebuah perkhidmatan yang menepati aspirasi dan harapan stakeholders dan rakyat, tanggungjawab besar ini terpundak di atas jemala kita semua. Bukan tugas KPPA sahaja, bukan tugas kedua-dua TKPPA dan Pengarah-pengarah Bahagian sahaja. Bahkan seluruh Warga JPA yang mesti membentuk kesepaduan yang hebat dalam memberi contoh teladan yang terbaik kepada agensi-agensi lain.

11. Pada tahun 2013, JPA telah menerajui pelbagai inisiatif transformasi terutama menerusi 2 misi utama JPA iaitu membangunkan bakat terhebat serta merekayasa organisasi sektor awam yang dinamik. Ia merangkumi pelaksanaan pengejatan dan penstrukturran organisasi yang melibatkan penjimatan sebanyak RM12.8 juta, proses

pembangunan, penarikan dan pengekalan bakat terbaik melibatkan 1.4 juta penjawat awam menerusi 46 Langkah Strategik berdasarkan KTJPA.

12. Jendela 2014 menyaksikan kita sedang memperhebatkan lagi pelaksanaan inisiatif transformasi berdasarkan Keberhasilan Transformasi Utama yang merangkumi penggilapan bakat berdasarkan keperluan negara, pengukuhan insentif dan saraan, pemantapan perkhidmatan pencen, serta merasionalalkan semula sektor awam.

13. Jenama baharu JPA yang sedang giat kita laksanakan ini tidak akan menjadi realiti sekiranya tidak mendapat dokongan dan kesungguhan daripada Tuan-tuan dan Puan-puan. Untuk melakar sejarah baharu negara, JPA mesti keluar dari keselesaan. Warga JPA mesti ada semangat

dahagakan kejayaan. Tidak boleh berpuas hati dengan hasil dan pencapaian semasa semata-mata.

14. Kita perlu rajin dan kuat bekerja, kuat menuntut ilmu dan segala kecekapan, kuat berpegang kepada nilai-nilai yang mulia, menolak segala kemungkaran dan mengamal yang makruf dan lain-lain yang boleh meningkatkan prestasi kita. Kita boleh. Warga JPA semuanya boleh. Allah S.W.T. mengurniakan kepada kita apa yang dikurniakan kepada orang lain, kepada bangsa-bangsa yang maju di dunia.

15. Allah S.W.T. telah tentukan apabila manusia membuat sesuatu berulang kali ia tetap menjadi cekap, menjadi pandai. Lebih daripada itu entah bagaimana, zuriat kita mewarisi kepandaian dan kecekapan itu. Jika Warga JPA sanggup bertekun, rajin dan tidak mudah bosan dengan mempelajari

dan membuat sesuatu, In Shaa Allah kita akan menguasai apa yang dituntut akhirnya, untuk dunia dan untuk akhirat juga.

TRANSFORMASI MENJULANG PRESTASI
PERKHIDMATAN AWAM

Warga JPA yang saya kasihi,

16. Bagi tahun 2013, seramai 217 Warga JPA telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Di samping itu, terdapat 6 Anugerah Inovasi JPA akan dinobatkan kepada pemenang-pemenang yang telah berjaya. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pegawai yang berjaya memperoleh pengiktirafan bagi anugerah-anugerah tersebut.

17. Sesungguhnya saya amat berbangga di atas keupayaan dan pencapaian pegawai-pegawai kita yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Saya berharap agar penganugerahan ini dapat meningkatkan motivasi kepada penerima-penerima dan seterusnya mengekalkan momentum kecemerlangan pada masa akan datang.

18. Malah Tuan-tuan dan Puan-puan akan menjadi “role model” dan dorongan kepada rakan-rakan yang lain untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada jabatan di samping meningkatkan prestasi kerja melalui latihan dan pembelajaran berterusan.

19. Majlis yang diadakan pada hari ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada modal insan yang berprestasi tinggi dan berinovasi. Pengiktirafan ini juga merupakan satu manifestasi keperihatinan

Kerajaan terhadap modal insan yang berkualiti serta budaya kerja yang cemerlang.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

20. Tema Majlis kita pada hari ini ialah “Transformasi Menjulang Prestasi Perkhidmatan Awam”. Tema ini mempunyai signifikannya yang tersendiri. Transformasi yang sedang kita laksanakan adalah bertujuan untuk melahirkan pegawai yang bermotivasi dan berprestasi tinggi, kompeten dan produktif. Ciri-ciri ini akan membolehkan penjawat awam berkhidmat dengan lebih berkesan dan seterusnya akan menjulang prestasi Perkhidmatan Awam itu sendiri. Prestasi Perkhidmatan Awam yang cemerlang sudah tentunya akan memenuhi kehendak dan keperluan rakyat seterusnya meningkatkan produktiviti negara.

21. Transformasi menuntut kepada perubahan minda, budaya serta proses kerja yang lebih efisyen, fleksible, tiada kerentak birokrasi, efektif, berkesan, people centric, empati, integriti dan berdaya saing. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik dari semalam, dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk dari semalam, manakala orang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

22. Oleh itu, untuk menjadi orang yang berjaya dan cemerlang, kita hendaklah sentiasa melakukan perubahan demi perubahan untuk menjadi yang terbaik walau apapun dugaan dan cabaran yang mendatang.

23. Tokoh pemikir, Albert Einstein juga pernah mengungkapkan, “Melakukan perkara yang sama dan mengharapkan keputusan yang berbeza adalah sesuatu yang tidak masuk akal”. Oleh itu, di era maklumat hanya pada kerlipan mata ini, melakukan sesuatu yang “tidak menganggu” kebiasaan adalah bukan satu pilihan.

24. Justeru itu, kita mestilah sentiasa berubah, sentiasa mencari kelainan, melakukan penambahbaikan secara berterusan dan sentiasa berinovasi bagi mencapai kecemerlangan. Jika kita tidak berubah dan tidak berinovasi maka kita akan selama-lamanya berada pada tahap yang sama dan tiada peningkatan dalam setiap perkhidmatan yang diberikan. Akhirnya kita akan menjadi tidak relevan dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah dan berkembang maju.

25. Konsep berlian yang ditampilkan pada hari ini juga mempunyai maksud yang tersendiri. Penjawat awam adalah umpama berlian. Ini adalah kerana: Pertama, bukan sahaja berlian itu amat berharga tetapi ia adalah antara bahan yang tidak mudah dimusnahkan kerana sifatnya yang begitu teguh dan kukuh. Pegawai yang cemerlang sebenarnya berjiwa besar lagi kental. Mereka mempunyai kemahuan dan keazaman yang tinggi yang tidak mampu digugat oleh sebarang halangan dan cabaran.

26. Kedua, berlian apabila digilap secara profesional akan dapat memberi satu daya tarikan yang memukau kerana kilauan cahaya yang datang darinya. Ini bukan sahaja meletakkan nilai harga (ekonomi) yang tinggi kepadanya malah boleh dinikmati mata yang memandang sungguhpun tidak semua mampu memiliki berlian tersebut. Ini dapat diterjemahkan sebagaimana peranan

seorang pegawai yang berpotensi dan berkompetensi tinggi dapat memanfaatkan ilmu serta kemahirannya dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

27. Ketiga, usaha untuk mendapatkan berlian dari perut bumi adalah amat sukar dan berisiko tinggi sehingga boleh mengakibatkan kehilangan nyawa. Begitu jugalah diumpamakan dengan penjawat awam yang sentiasa ingin meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kerana ia memerlukan iltizam dan penumpuan yang tinggi apatah lagi dalam soal memecahkan set minda yang ada untuk melakukan transformasi, malah ia menuntut pelbagai pengorbanan sebelum dapat melihat kejayaan ke atas perubahan yang dilaksanakan.

28. Keempat, proses gilapan berlian yang berterusan melambangkan perjalanan transformasi yang akan melahirkan bakat yang istimewa di

kalangan penjawat awam yang sentiasa ingin berubah sehingga menjadi berlian tergilap. Kesimpulannya, Tuan-tuan dan Puan-puan yang diraikan pada hari ini adalah merupakan berlian yang telah tergilap. Teruskan gilapan agar berlian itu terus bersinar dan bersinar selama-lamanya.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

29. Mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan merakamkan penghargaan kepada Tuan-tuan dan Puan-puan yang diraikan atas segala kecemerlangan dan kegemilangan yang telah dicapai sepanjang tahun 2013.

30. Jadikanlah pengiktirafan yang anda peroleh pada hari ini, sebagai pembakar semangat untuk terus cemerlang di masa akan datang.

Sekian.

Wabillahitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.